# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# JUMAAT 11 OKTOBER 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | MINISTRY WORKS WITH AGROPRENEUR TO DEVELOP MESEJ - EWON, HOME, BORNEO POST (KK) -5<br>LAZADA MALAYSIA HELD WELCOMMERCE 2019 SELLERS SUMMIT: LEADING FORCE FOR FUTURE IN, NATION, SIN CHEW DAILY -19 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 3.<br>4.<br>5. | 'SHARK SOLD IN MIRI NOT PROTECTED SPECIES', HOME, BORNEO POST (KUCHING) -2<br>HABITAT BERUBAH JEJAS HASIL TUAIAN, NASIONAL, BH -21<br>PENIAGA RUGI HARGA MAHAL, NASIONAL, BH -21 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 6.<br>7.<br>8. | TUNKU AZIZAH AMALKAN MAKAN ULAM, NASIONAL, SH -2<br>ULAM JADI SANTAPAN BERPANTANG TUNKU AZIZAH, WANITA & KELUARGA, BH -81<br>TUNKU AZIZAH LAUNCHES BOOK ON GUIDE TO 'ULAM-ULAMAN' AND NUTRITIONAL VALUE, NEWS, BERNAMA -4 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 9. | NELAYAN BINA SENDIRI BUBU BATANG BESI TINGKAP TANGKAPAN, NASIONAL, BH -19 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 10. | MODERN AGRICULTURE DEVELOPMENT SEMINAR ON OCT 26, METRO EDITION A, SIN CHEW DAILY -10 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 11. | DIARAH HENTI OPERASI, LOKAL, HM -34 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ministry works with entrepreneur to develop Mesej - Ewon | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 11 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 5 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 197 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,098 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 3,295 |





Yap (second right) explaining something to Ewon (right) while visiting a 'musang king' durian nursery.

# Ministry works with entrepreneur to develop Mesej – Ewon

**KENINGAU:** Rural Development Ministry (KPLB) will be working closely with Asia's prominent agricultural entrepreneur, Prof Datuk Yap Yun Fook to develop Mini Estate Sejahtera (Mesej) agricultural programme in Sabah.

Its minister Ewon Benedick said Yap's expertise as a mentor for the country's agro-entrepreneurs recognised by the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MoA), would be useful to develop KPLB's empty lands as Mesej agriculture.

"KPLB has a number of undeveloped lands, and we will be planting high commercial plants.

"Mesej participants will be planting according to Yap's requests and he will be buying the crops. It is a win-win collaboration.

"This is the initial planning, and we will finalise it after an official meeting with him," said Ewon to reporters after visiting Yap's agricultural land at Kampung Ansip, here, recently.

Ewon, who is also Kadamain assemblyman, said the state cabinet had agreed that Sabah KPLB explores other than commodities, such as rubber and palm oil.

"After visiting Yap's success crops and livestock I believe his expertise in this field is needed and we can use it to develop our agricultural Mesej.

"Yap, as one of the state's advisors in agricultural sector has been giving KPLB useful input and I believe it can be developed because we have many empty lands for this," he said.

During the visit, delegates from KPLB were given the opportunity to see Yap's fish pond, bird's nest farm and other crops, including compost fertiliser processing.

Yap stated his journey with only two cows in 1982 and today he is one of successful businessmen in Sabah, while his farm Ladang Eco Yap in Keningau was also announced as the largest milk producer in Malaysia.

Yap is the recipient of Malaysian Livestock Industri Award 2018, Panelist of Bengkel Hala Tuju Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) and also Adjunct Professor of Univeriti Malaysia Sabah (UMS).

Also present during the event were assistant minister to the KPLB Rasinin Koutis, KPLB permanent secretary Fredian Gan and also officers from Keningau District Office.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Lazada Malaysia held WECOMMERCE 2019 sellers` summit: Leading force for future in | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 11 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 19 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 1555 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 46,837 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 140,511 |

[redacted]




# Lazada馬來西亞舉辦 WECOMMERCE 2019賣家峰會

马来西亚Lazada于日前在马来西亚国际贸易及展览中心（MITEC）举办年度旗舰卖家峰会——WECOMMERCE 2019卖家峰会。

# 領航未來數碼經濟

## 賣家數目增長97%



增强现实"魔镜"可以让消费者"试衣服"。



购买化妆品也可以通过增强现实科技"试妆"。



无现金商店购买饮料。



### 建立官方卖家社区

### 商机配对，建立专属品牌



### 电子商务和实体商户相结合

### 支持政府购买国货运动







### 有关Lazada集团

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | `Sharks sold in Miri not protected species` | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 11 Oct 2019 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 2 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 192 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,309 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 3,927 |




**Home**

# 'Sharks sold in Miri not protected species'

**MIRI:** The relevant government agencies have confirmed that the sharks sold openly in Miri market are not of the protected species, thus it is not an offence to catch, sell and eat them.

Sarawak Forestry Corporation (SFC) chief executive officer Zolkipli Mohamad Aton said investigation showed that the sharks are of the Carcharhinus Sorrah species also known as Yu Kepak Hitam and not protected under Sarawak Wild Life Protection Ordinance, 1998, neither is it listed under CITES Appendix I or II.

"This species of shark is a common species in the market, including Sabah and Indonesia. Therefore, there are no issues of eating, trading and catching them. Not all sharks are protected species. If the species are listed under CITES Appendix I or II even outside of Sarawak, they are also considered protected species in the state," said Zolkipli in a statement in response to the article entitled 'Sharks being openly sold in Miri market' which was published in The Borneo Post yesterday.

SFC and the Marine Fisheries Department finally issued statements on the same matter after it was reported as of press time on Wednesday that the relevant government agencies would not comment on the issue despite several efforts being made to get them to do so.

The issue on baby sharks widely sold in Miri went viral in WhatsApp groups, prompting the media including The Borneo Post to highlight the case.

Malaysian Nature Society Miri Branch chairman Musa Musbah – a staunch environmentalist – was among those interviewed by The Borneo Post and commented on the matter.

"Although Malaysia is a member in the Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES), Malaysia seems not listed among countries that make sharks a protected species.

"Sarawak too should upgrade its WLPO1998 (Wild Life Protection Ordinance 1998) to the current situation," he said.

In response to Musa's comment, the Marine Fisheries Department said Malaysia as a member of CITES always abides and follows closely developments in listing species of endangered fishes.

"All guidelines are followed strictly on protection and management plans to protect the endangered marine species including sharks which have been implemented," the department said in a statement.

Besides that, the federal Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry and Department of Fisheries are presently conducting in-depth studies on any species of marine life before they are included in the Marine Life Endangered Species Act, 1999.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 21 |



*Tangkapan, ternakan kerang merudum*

# Habitat berubah jejas hasil tuaian

## Aktiviti akuakukltur, pertanian ubah kualiti air, bunuh sumber perikanan

Oleh Shaarani Ismail
shaarani@bh.com.my

**Ipoh:** Kemerosotan hasil kerang di Perak serta saiznya yang semakin kecil, antara lain disebabkan kesan aktiviti kolam udang di sepanjang kawasan pengeluaran sumber perikanan berkenaan.

Kematian benih kerang juga disebabkan tekanan yang diberikan habitat asalnya, perubahan kualiti dan suhu air, kadar keasidan yang tinggi, kandungan oksiden rendah serta pencemaran bahan kimia tertentu.

Perak antara negeri pengeluar kerang terbesar negara sehingga 60,000 tan setahun sebelum merosot sejak lima tahun kebelakangan dengan pendaratan menguncup sehingga 75 peratus dan sekitar 5,000 tan sahaja didaratkan pada 2016.

Pengarah Perikanan negeri, Zaki Mokri, berkata kajian mendapati antara punca penyusutan hasil kerang adalah peningkatan kadar kematian secara semula jadi yang ketara.

Kadar amonia tinggi dalam air juga, katanya, menyumbang kepada kematian kerang dan benih kerang, dipercayai kerana penggunaan baja dan racun perosak dalam aktiviti pertanian berhampiran sumber air.

"Tidak dinafikan kesan aktiviti akuakukltur, iaitu kolam udang di sepanjang kawasan pengeluran kerang juga menyumbang kepada kemerosotan hasil kerang selain pelepasan sisa tidak dirawat terus ke sumber air," katanya ketika ditemui *BH*.

Beliau mengulas keluhan pengusaha kerang di Pantai Remis yang mendakwa kemerosotan hasil tangkapan mencecah 75 peratus, manakala saiz kerang didaratkan juga semakin kecil dan hasil ternakan merosot teruk.

Semalam, *BH* mendedahkan Jabatan Perikanan sendiri melalui laporan yang dikeluarkan awal tahun ini, turut menjangkakan kerang mungkin pupus dalam tempoh tiga tahun lagi jika kualiti air berterusan merosot.

Perkara itu diakui beberapa pengusaha yang mendakwa, faktor utama saiz kerang semakin kecil ditambah dengan kemerosotan hasil disebabkan kemerosotan kualiti air laut.

Zaki memaklumkan, kadar dominasi induk kerang oleh satu jantina sahaja juga antara faktor kemerosotan hasil sehingga mengakibatkan kadar benih kerang merosot teruk.

"Jabatan Perikanan maklum mengenai kemerosotan hasil kerang yang dilihat semakin membimbangkan, namun tetap memastikan usaha dibuat bagi mengelakkan hasil terus merudum dan pupus," katanya.

Antara usaha itu, melaksanakan pembenihan kerang secara aruhan menggunakan baka baharu lebih berdaya tahan terhadap persekitaran bagi memastikan hasil dan jumlah pendaratan dapat dipertingkatkan semula dan mengelak kepupusan.

Kaedah percubaan dilaksanakan pada 2016 di kawasan pembenihan kerang semula jadi di Lekir dan mula menampakkan kesan positif.

Pembenihan kerang secara aruhan mengambil kira perubahan suhu dan kemasinan air laut bagi mengatasi masalah benih cepat mati, sekali gus mampu merangsang kaedah penternakan dan meningkatkan semula penghasilan sumber itu di Perak.

Zaki menjelaskan, kaedah pembenihan aruhan akan dapat meningkatkan kuantiti, tempoh dan kekerapan kejatuhan benih kerang, selain berupaya menghasilkan benih kerang lebih baik, tahan lebih lama dan bersaiz lebih besar.

"Apa yang penting lokasi bersesuaian kerana kaedah ini memerlukan suhu yang betul serta kualiti air dan persekitaran bersesuaian. Musim pembenihan aruhan perlu berpandukan perubahan suhu air laut dan kemasinannya, tapak kejatuhan benih dan tapak ternakan.

"Tempoh matang ternakan adalah antara 12 hingga 16 bulan," katanya sambil menambah, jabatan itu juga dalam peringkat akhir mewartakan Kaedah-kaedah Perikanan (Akuakultur dan Perikanan Darat) Negeri Perak 2019.

"Ini adalah garis panduan bagi memastikan kelestarian sumber alam dipulihara. Sebaik diwartakan, tindakan tegas boleh diambil terhadap pihak yang gagal mematuhi dan melaksanakan kaedah ditetapkan," katanya.

Antara perkara ditekankan dalam kaedah perikanan baharu adalah memastikan semua pihak melaksanakan pembangunan lestari mencakupi aspek piawaian, kawalan, sumber dan pemuliharaan ekosistem.

Peraturan baharu berkenaan juga menitikberatkan aspek pelesenan bagi mengelak sikap tidak bertanggungjawab dalam kalangan pengusaha akuakultur.

> *Kajian mendapati antara punca penyusutan hasil kerang adalah peningkatan kadar kematian secara semula jadi yang ketara.*
>
> ***Zaki Mokri,***
> *Pengarah Perikanan Perak*





Tangkapan, ternakan kerang merudum

*Laporan disiarkan BH, semalam.*

# Peniaga rugi harga mahal



***Siew Mei menunjukkan** harga kerang mengikut saiz di Pasar Besar Ipoh.*
(Foto Abdullah Yusof/BH

**Ipoh:** Kemerosotan hasil kerang menyebabkan harganya turut melonjak, tetapi mendatangkan kerugian kepada peniaga kerana sukar menjual hasil laut berkenaan yang semakin mahal.

Peniaga di Pasar Besar Ipoh, Wong Siew Mei, 35, berkata perniagaan kerang yang diceburinya sejak 25 tahun lalu tidak lagi serancak tiga tahun lalu, malah selalunya sebahagian daripadanya gagal dijual.

"Saya biasanya mengambil antara 40 kilogram (kg) hingga 50kg stok sehari daripada pembekal. Namun, selalunya separuh tidak dapat dijual atau terpaksa dibuang kulit sebelum dijual kepada peniaga restoran dan gerai," katanya.

Dia juga mengakui tidak lagi mampu mengambil bekalan dalam kuantiti yang besar kerana harga kerang semakin melonjak serta khuatir tidak mampu menjual semuanya.

"Kalau tiga tahun dulu, boleh jual pada harga RM7 setiap kg, sekarang sangat berbeza," katanya sambil menambah, kebanyakan bekalan kerang diperolehi daripada pembekal di Pantai Remis dan Kuala Sepetang.



***Abdul Yunus Jamhari***

Bagi kerang bersaiz besar, Siew Mei menjual pada harga antara RM18 hingga RM19 setiap kg, manakala yang bersaiz sederhana pula RM15.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Peladangan negeri, Abdul Yunus Jamhari, berkata beliau belum dimaklumkan mengenai isu hasil kerang yang semakin merosot di negeri ini.

Berikutan itu, katanya, beliau akan mendapatkan maklumat daripada Jabatan Perikanan negeri sebelum merancang tindakan selanjutnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 11/10/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 2 |

# Tunku Azizah amalkan makan ulam

***Raja Permaisuri Agong lancar buku Ulam-Ulaman Khazanah Negara dan 1001 Khasiat***

MOHD HAFIZ ISMAIL

KUALA LUMPUR

Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah mendedahkan baginda mengamalkan pemakanan ulam-ulaman ketika berpantang selepas bersalin.

Titah baginda, bukan sahaja ulam-ulaman, malah sayur-sayuran tempatan juga digunakan dalam masakan.

"Saya makan ulam-ulaman seperti pegaga, kacang botol dan pucuk ubi. Itu makanan saya ketika berpantang," titahnya.

Baginda bertitah ketika melancarkan buku *Ulam-Ulaman Khazanah Negara dan 1001 Khasiat* di sini semalam.

Keberangkatan tiba Raja Permaisuri Agong diiringi oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Ishak Ismail dan Ketua Pengarah Fama, Zainal Abidin Yang Razalli.

Salahuddin ketika menyampaikan ucapan berkata, objektif utama penerbitan buku *Ulam-Ulaman Khazanah Negara dan 1001 Khasiat* oleh kementerian dan Fama adalah untuk menarik minat golongan sasar terutama orang muda untuk mengenali jenis ulam-ulaman serta memberikan pengetahuan mengenai khasiatnya.

"Apabila minat, kesedaran dan pengetahuan mengenai khasiat ulam-ulaman dapat ditingkatkan dalam kalangan rakyat, permintaan terhadap ulam-ulaman ini juga dapat ditingkatkan.

"Keadaan ini memungkinkan ulam-ulam tempatan berpotensi menjadi salah satu sumber kekayaan baharu yang boleh diterokai dan mewujudkan peluang besar bagi usahawan-usahawan menceburkan diri dan mengkomersialkan sektor ini," katanya.

Menurutnya, buku tersebut merupakan salah satu usaha kerajaan dalam membangunkan industri pertanian dan industri asas tani negara ini khususnya meningkatkan pendapatan petani yang berkaitan sayur-sayuran dan ulam-ulaman.

Katanya, idea menerbitkan buku *Ulam-Ulaman Khazanah Negara dan 1001 Khasiat* dicetuskan oleh bekas Ketua Pengarah Fama, Datuk Ahmad Ishak pada Majlis Pelancaran Kempen Ulam-Ulaman Peringkat Kebangsaan pada 2017.

"Ia bertujuan menggalakkan dan meningkatkan pengambilan ulam sebagai diet makanan harian dalam kalangan rakyat Malaysia selain mengurangkan kebergantungan kepada produk pertanian import.

"Dalam tempoh dua tahun bermula pada 2017 hingga 2019, Fama telah membuat pencarian dan telah berjaya mengumpulkan sebanyak 657 jenis ulam-ulaman daripada seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak," katanya.

FOTO: ROSLI TALIB




**Tunku Azizah (tengah) berkenan menunjukkan buku *Ulam-Ulaman Khazanah Negara Dan 1001 Khasiat* bersama Salahuddin (dua dari kiri) dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan (dua dari kanan) di Kuala Lumpur semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2019 | BERITA HARIAN | WANITA & KELUARGA | 81 |

# Ulam jadi santapan berpantang Tunku Azizah

## Raja Permaisuri akui khasiat, agen awet muda

Oleh Nor Hatina Shuib
hatina@bh.com.my



*Tunku Azizah melancarkan buku 'Ulam-Ulaman Khazanah Negara dan 1001 Khasiat' di Kuala Lumpur, semalam.*

**Kuala Lumpur:** Ulam-ulaman tempatan mempunyai pelbagai khasiat, termasuk sebagai agen awet muda, sekali gus ia turut menjadi pilihan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah sebagai santapan ketika dalam berpantang.

Tunku Azizah bertitah, khasiat ulam tempatan diperakui keberkesanannya dan baginda sendiri menjadikan ulam sebagai santapan ketika berpantang.

"Siapa nak awet muda, makanlah ulam. Masa melahirkan dan dalam pantang, saya makan ulam seperti pegaga, kacang botol, pucuk betik dan ubi," titah baginda selepas melancarkan buku *Ulam-Ulaman Khazanah Negara dan 1001 Khasiat*, di sini, semalam.

Yang turut mengiringi baginda, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub; Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Ishak Ismail dan Ketua Pengarah FAMA, Zainal Abidin Yang Razalli.

Berikutan itu, Tunku Azizah, bertitah selepas ini baginda akan mengeluarkan buku masakan yang ketiga berasaskan ulam tempatan.

Sementara itu, Salahuddin berkata, kementeriannya mengucapkan tahniah kepada FAMA atas kejayaan menghasilkan buku yang menghimpunkan maklumat mengenai ulam yang menjadi khazanah bernilai.

"Ia dapat memudahkan masyarakat, terutama generasi muda membuat rujukan mengenai khasiat terkandung dalam ulam tempatan.

"Terima kasih atas jasa dan sumbangan semua pihak termasuk Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) dan pihak lain yang bekerjasama menyumbangkan ilmu dan kepakaran masing-masing," katanya.

Beliau berkata, idea menerbitkan buku ulam ini dicetuskan bekas Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak ketika Majlis Pelancaran Kempen Ulam-Ulaman Peringkat Kebangsaan pada 2017, bertujuan menggalak dan meningkatkan pengambilan ulam sebagai diet makanan harian dalam kalangan masyarakat, selain mengurangkan kebergantungan kepada produk pertanian import.

Beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) berharap penerbitan buku itu dapat menarik minat masyarakat, terutama generasi muda mengenali jenis ulam di negara ini serta memberi kesedaran dan pengetahuan khasiat ulam.

Kata beliau, kerajaan juga berusaha memajukan bidang pertanian dan industri asas tani ke peringkat lebih tinggi sehingga dikenali dunia.

> *Siapa nak awet muda, makanlah ulam. Masa melahirkan dan dalam pantang, saya makan ulam seperti pegaga, kacang botol, pucuk betik dan ubi.*
>
> **Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah,** *Raja Permaisuri Agong*

"Antara inisiatif dilaksanakan adalah pelaksanaan kempen khasiat ulam tempatan.

"Ulam ini juga berpotensi menjadi antara sumber kekayaan baharu yang boleh diteroka dan mewujudkan peluang besar untuk usahawan menceburkan diri dan mengkomersialkan sektor ini, termasuk ke peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, pihaknya memandang tinggi pandangan Tunku Azizah berkaitan khasiat daun merunggai yang bukan sahaja dijadikan ulam, tetapi mempunyai khasiat dan berpotensi dikomersialkan.

Beliau berkata, bermula 2017 hingga tahun ini, FAMA berjaya mengumpul 657 jenis ulam dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Buku setebal 284 itu berharga RM370 edisi biasa, manakala edisi mewah RM400.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Tunku Azizah launches book on guide to 'ulam-ulaman'and nutritional value | | |
| MediaTitle | Bernama.com (www.bernama.com) | | |
| Date | 11 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 5 |
| Order Rank | 4 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,250 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,750 |

# Tunku Azizah launches book on guide to 'ulam-ulaman'and nutritional value

KUALA LUMPUR, Oct 10 -- Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah today launched a book that contained information on a wide variety of ulam-ulaman (traditional salad) as the nation's heritage and their nutritional value.
The b...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 19 |

# Nelayan bina sendiri bubu batang besi tingkat tangkapan

**Pontian:** Hasil laut berkurangan yang menjejaskan punca pendapatan menyebabkan nelayan di Sungai Rambah, Tanjung Piai, dekat sini, lebih inovatif dengan membina sendiri bubu bersaiz besar diperbuat daripada batang besi.

Nelayan di Jeti Pengkalan Sungai Rambah, Ismail Sirat, 50, berkata usaha itu bermula hampir setahun lalu berikutan hasil laut perairan Tanjung Piai yang semakin berkurangan.

Katanya, antara punca hasil laut berkurangan termasuk ekosistem perairan setempat situ yang terjejas berikutan penambakan laut di sebuah stesen janakuasa berhampiran.

"Sebelum ini saya guna jala dan rawai bagi mendapatkan hasil tapi bila jala ditebar, apa yang ditarik hanya lumpur dan selut, sekali gus merosakkan peralatan nelayan di sini.

"Sesekali nak merungut bolehlah tetapi kalau asyik meratap nasib, tiada apa akan berubah. Selepas berfikir dan memerhatikan sekeliling, saya bina sendiri bubu daripada batang besi, jaring dan PVC.

"Alhamdulillah, bubu batang besi saya menjadi dan tidak mudah rosak, malah sembilan bubu bersaiz besar yang diletakkan berhampiran laluan kapal berjaya menaikkan sehingga 160 kilogram kerapu laut minggu lalu dengan hasil lumayan," katanya ketika ditemui *BH*.

Ismail berkata, inovasi bubu besi itu terhasil selepas mendapati bubu yang dibeli tidak mampu bertahan lama dan mudah rosak.




***Ismail menunjukkan bubu besi** buatan sendiri untuk tangkapan hasil laut di perairan Pontian.*
(Foto Mohd Azren Jamaludin/BH)

Sementara itu, seorang nelayan yang hanya mahu dikenali sebagai Leman, mengharapkan pihak berkuasa termasuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melakukan semula bancian terhadap nelayan di kawasan berkenaan.

Beliau mendakwa, ada nelayan yang aktif turun ke laut namun dipotong elaun sara diri RM200 dan elaun diesel.

"Ada pegawai yang sangsi dan tidak percaya apabila melihat warga tua seperti saya masih mampu turun ke laut padahal itulah punca rezeki kami.

"Buatlah bancian semula dan rujuk kepada persatuan nelayan serta nelayan tempatan jika mahu bukti ramai warga tua aktif ke laut.

"Ada nelayan yang sakit dan tidak turun ke laut kerana masuk hospital selama seminggu, turut dipotong nama daripada mendapat elauan sara diri dan diesel atas alasan tidak aktif.

"Tolonglah bersikap adil dengan nelayan seperti kami," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Modern agriculture development seminar on Oct 26 | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 11 Oct 2019 | Color | Full Color |
| Section | Metro Edition A | Circulation | 288,920 |
| Page No | 10 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 206 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,242 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 18,727 |



# 26日辦現代農業研討會

## 巴生中總邀出席聆聽

（巴生10日讯）巴生中华总商会定于10月26日（星期六）早上9时至下午5时30分，在该会礼堂举办"2019现代农业"研讨会，公开给有兴趣的公众参与

这项研讨会获雪州农业部，马来西亚农业与发展研究院（MARDI），大马联邦农业销售局（FAMA），马来西亚黄梨工业局、青年农民机构（Agropeneur Muda）支持

### 戴良麟：助青年发展农耕

该会秘书长兼农工业组副主席戴良麟指出，近年来，我国正大事发展农业，想进军农务发展的国人，面前是康庄的商机大道，农业发展蓬勃，成为一个收益不俗的行业　为此，商会协助有意从事农务发展的年轻人，了解如何开启发展农耕之路

研讨会分为数个部分讲解，包括现代化种植黄梨、椰子、榴梿、蔬菜如何进军务农行业，现代农业科技，农业产品行销、城市农耕业，促销农产品等　因此，不论志在经商，种植兴趣，抑或有意扩充发展农务者，都会从讲座会中获得各种讯息

他说，研讨会获5个政府单位支持，参与者也可了解时下农务发展概况，包括政府致力推广种植的农产品，时下市场需求营销等资讯　此外，大会也邀请务农业者分享其成功理念

出席者包括雪州农业销售局（FAMA）高级助理董事凯鲁丁、雪州农业与发展研究院（MARDI）副董事莫哈末费斯及雪州黄梨工业局董事局副董事安哈礼扎等

讲座会报名费为会员50令吉，非会员80令吉，包含午餐及茶点

有兴趣者，可联络巴生中华总商会秘书处（03-3358 7851），电邮：klang.ccci@gmail.com



巴生中总举办"2019现代农业"研讨会新闻发布会　前排左起为安哈礼扎、戴良麟、莫哈末费斯及凯鲁丁

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 11/10/2019 | HARIAN METRO | LOKAL | 34 |

FOTO: RASUL AZLI SAMAD



GANGGUAN AGAS

# Diarah henti operasi

PENGUAT KUASA MBMB menjalankan pemeriksaan terhadap perusahaan cendawan di Kampung Enam, Bachang.

## *Pemilik perusahaan cendawan diberi notis 30 hari untuk pindah*

**Oleh Rizanizam Abdul Hamid**
mrizanizam@nstp.com.my

**Melaka**

Pemilik perusahaan cendawan dalam bangunan di Kampung Enam, Bachang di sini, diberi notis untuk menghentikan operasi dan berpindah ke kawasan sesuai dalam tempoh 30 hari berkuat kuasa, semalam.

Exco Kesihatan dan Antidadah Melaka, Low Chee Leong berkata, notis itu dikeluarkan penguat kuasa Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) yang turut menyertai lawatan pemeriksaan ke premis berkenaan bersamanya dan pihak berkuasa berkaitan semalam.

Menurutnya, tindakan itu susulan aduan penduduk Kampung Enam yang mendakwa menjadi mangsa gangguan serangga agas dipercayai berpunca daripada aktiviti perusahaan itu sejak hampir setahun lalu.

"Hasil maklumat diperoleh, saya difahamkan bangunan ini adalah untuk tujuan perniagaan bukannya bagi perusahaan kilang, produk atau memproses cendawan.

"Saya minta Datuk Bandar (MBMB) keluarkan notis tapi saya harap dapat diberi kelonggaran tempoh berpindah kerana ia bukanlah urusan satu atau dua hari untuk berpindah.

"Pengusaha pun berjanji dan dia memang dalam rancangan untuk berpindah bulan ini memandangkan bangunan itu disewa untuk perusahaan cendawan yang dibekalkan ke Pasar Borong Melaka," katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kota Laksamana berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas mengadakan lawatan ke premis berkenaan bersama beberapa agensi berkaitan di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah Pertanian Melaka, Mohd Rasydan Mohd Yusop dan Pengerusi Majlis Perwakilan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Enam Pun Check Ping.

Mengulas lanjut, Low berkata, pihaknya pernah menerima aduan daripada penduduk kampung terbabit mengenai masalah serangga agas pada Julai lalu.

"Saya akan minta pihak Jabatan Kesihatan negeri membuat siasatan lanjut termasuk mengambil sampel serangga untuk memastikan adakah agas yang menyerang kampung ini berpunca daripada perusahaan cendawan itu," katanya.



PENGUAT KUASA MBMB mengeluarkan notis terhadap pengusaha cendawan.



LOW menunjukkan tanaman cendawan.



PEGAWAI Persekitaran daripada Jabatan Kesihatan Daerah Melaka Tengah, Suzana Md Nasir menjalankan pemeriksaan.